

06/11/1999

Net-Linx labur RM100 juta di MSC

Kadir Dikoh

SEBUAH syarikat perisian berpangkalan di Jerman membuat komitmen untuk melabur RM100 juta di negara ini dengan menjadikan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai ibu pejabatnya bagi rantau Asia Pasifik.

Net-Linx Asia Pacific Sdn Bhd (Net-Linx), syarikat yang mendapat status MSC, mahu membuat pelaburan itu dalam tempoh empat hingga lima tahun akan datang kerana yakin dengan iklim pelaburan di Malaysia yang dianggap amat cerah.

Presidennya, Holm Hallbauer, berkata Malaysia dipilih kerana persekitaran yang properniagaan dan prasarana yang cemerlang berbanding Singapura, Thailand, Indonesia dan Hong Kong.

"Pejabat di Malaysia ini akan membantu pejabat wilayah Net-Linx di Amerika Syarikat dan Eropah," katanya di upacara menandatangani perjanjian menjual 106 unit kondominium di antara Tindak Murni Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Country Heights Holdings Bhd (CHHB) dan Net-Linx di Cyberjaya dekat Kuala Lumpur petang kelmarin.

Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. CHHB diwakili oleh pengarah urusannya Tan Sri Lee Kim Yew manakala Net-Linx oleh Hallbauer.

Mengikut perjanjian itu, Net-Linx akan membayar RM32.26 juta bagi pembelian unit kondominium terbabit yang terletak di dalam kawasan MSC di Cyberjaya. Dikenali sebagai Cyber Heights Villa, projek itu dijadualkan siap sepenuhnya menjelang akhir tahun depan dan disasarkan bagi eksekutif korporat yang bekerja di Cyberjaya.

Selain itu, unit kediaman ini boleh dilengkapi dengan soket komputer yang menghubungkan kepada gentian optik MSC dengan keupayaan suara, data atau video.

Net-Linx yang diberi status MSC dua bulan lalu adalah sebuah daripada syarikat pembekal sistem perisian bersepadu yang sedang berkembang pesat di dunia bagi industri pengiklanan, telekomunikasi, maklumat dan penerbitan direktori.

Hallbauer berkata, pihaknya menjangka fasa pertama cadangan ibu pejabat bagi rantau Asia Pasifik di MSC itu akan siap menjelang Julai 2001.

Bercakap kepada pemberita, Naib Presiden Net-Linx, Paul Donlan, pula berkata syarikat itu berharap untuk mewujudkan kerjasama perdagangan dengan syarikat berteknologi tinggi Malaysia dan bekerjasama dengan Telekom Publication, anak syarikat Telekom Malaysia yang menerbitkan "Yellow Pages".

Beliau berkata, syarikat induknya, yang mencatat pertumbuhan 50 hingga 60 peratus setahun, berhasrat untuk disenaraikan di bursa saham Jerman dalam tempoh enam hingga 18 bulan akan datang.

Katanya, Net-Linx menguasai kira-kira AS\$100 juta (RM380 juta) dalam pasaran perisian sejagat bernilai AS\$50 bilion (RM190 bilion).

Sementara itu, Lee dalam ucapannya, berkata kondominium itu yang dikenali sebagai Cyber Heights Villa direka bentuk dengan mengambil kira konsep persekitaran MSC.

Katanya, penduduk villa itu juga berpeluang melengkapkan unit kediaman mereka dengan alat pengesan khas, yang boleh dihubungkan kepada komputer laptop atau telefon yang akan mengawal satu hos fungsi seperti kawalan lampu atau kawalan alat pendingin hawa.

MSC, yang terletak di selatan Kuala Lumpur, merupakan pusat pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

(END)